

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia

Tarikh: 23/1/2010

Hari: Sabtu M/S: 11

Ruangan: RENCANA

UUM/AABO/UM/23.1.2010/P:11(1-5)

re-repo

Hubungan ASEAN-India

Oleh MOHAMAD FAISOL KELING

LAWATAN Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke India pada 19 Januari 2010 telah menarik perhatian masyarakat Malaysia dan negara Asia Tenggara mengenai hubungan semasa antara negara di kedua-dua rantau. Dalam pertemuan ini ia turut mem-babitkan perbincangan mengenai aspek kese-lamatan, kestabilan dan kerjasama ekonomi antara negara dan rantau.

Usaha Malaysia ini sememangnya mempun-yai signifikan kepada negara dan rantau Asia Tenggara kerana India adalah sebuah negara dominan dalam politik dan ekonomi di ran-tau Asia Selatan. Kuasa dan peranan India di Asia Selatan hampir sama seperti mana pe-ranan dan pengaruh kuasa China di rantau Asia Timur.

Namun kemunculan India dalam aspek politik ketenteraan dan penguasaan India ke atas Lautan Hindi semenjak tahun 1962 telah dieksplotasi yang menimbulkan kebimbangan mengenai ancaman India ke atas Asia Teng-gara.

Ini adalah senario yang sama ketika kemun-culan China yang mendominasi Laut China Selatan dibimbangi akan mengancam kese-lamatan Asia Tenggara. Faktor kedudukan geografi India yang hampir dengan rantau Asia Tenggara telah menjadi faktor yang mence-tuskan kebimbangan negara Asia Tenggara.

Tindakan China yang menuntut hak ke atas wilayah di Laut China Selatan yang turut menggunakan pendekatan ketenteraan dalam tuntutan wilayah telah menjadi 'tali ukur' dalam mengintrepretasi jangkaan tindakan kuasa besar India. Negara Asia Tenggara per-nah menyaksikan China menggunakan *gun-boat diplomacy* di Laut China Selatan dan telah beberapa kali mencetuskan ketegangan kententeraan dengan negara Asia Tenggara. Namun adakah India merupakan negara yang mengancam keselamatan negara Asia Tenggara?

Dalam sejarah dasar dan hubungan awal India dengan negara Asia Tenggara iaitu dalam era awal penubuhan ASEAN, India mem-punyai pandangan yang berbeza dan tidak selari dengan negara Asia Tenggara. India melihat penubuhan ASEAN sebagai satu pakatan politik dan pertahanan seperti mana penubuhan SEATO (Southeast Asian Treaty Organization) yang disertai beberapa negara Asia Tenggara yang diterajui oleh Amerika



NAJIB Tun Razak memeriksa perbarisan hormat pasukan keselamatan semasa majlis sambutan ketibaan beliau di Istana Presiden India, New Delhi, Rabu lalu. Perdana Menteri ke India dalam lawatan rasmi empat hari ke negara itu.

Syarikat (AS).

Tindakan Rajiv Ghandi membangunkan angkatan tentera laut India dan memperkukuhkan penguasaan ke atas Lautan Hindi semenjak tahun 1962 telah menimbulkan kebimbangan negara Asia Tenggara seperti mana penguasaan China ke atas Laut China Selatan.

Kecenderungan penglibatan India yang melibatkan diri dalam konflik di negara yang didiami oleh etnik Tamil seperti pembabit India di Sri Lanka, Maldives dan Fiji telah menguatkan kebimbangan negara Asia Teng-gara kerana etnik Tamil turut mendiami be-beberapa negara Asia Tenggara.

Tindakan India yang membangunkan pang-kalan ketenteraan di beberapa pulau yang berhampiran dengan rantau Asia Tenggara

seperti di Kepulauan Nicobar dan Andaman di Teluk Benggal turut membimbangkan dan pernah mendapat bantahan Indonesia.

Walaupun terdapat kebimbangan terhadap perkembangan semasa tindakan politik dan ketenteraan India, namun ia tidak bermakna Asia Tenggara meragui India. Ini kerana ne-gara Asia Tenggara telah mengambil pen-dekatan yang bersifat *constructive engagement* dengan India khususnya memperkukuhkan hubungan diplomatik dan mengadakan ker-jasama ekonomi India-negara Asia Tenggara.

Pada 16 Mei 2001, Perdana Menteri India ketika melakukan lawatan rasmi ke Malaysia memberikan ucapan mengenai tindakan India mengekalkan doktrin pertahanannya yang menjadikan senjata nuklear sebagai alat pen-

Kekuatan ketenteraan dan perluasan kuasa India di rantau ini tidak dilihat sebagai satu ancaman kerana India menyokong kerjasama keselamatan melalui SAARC, ASEAN and ARF, dan melibatkan diri dalam Langkah Membina Keyakinan (CBM)

cegah dan menghormati pendirian ASEAN terhadap keamanan rantau.

Walaupun India pernah mengumumkan kemampuan terkininya yang berjaya membangunkan strategi serangan dari bawah air (*sub-based deterrent*) yang berkemampuan bertindak sebagai *second-strike* pada tahun 2001, namun doktrin nuklear yang diamalkan oleh India adalah *no-first-strike policy*.

Kekuatan ketenteraan dan perluasan kuasa India di rantau ini tidak dilihat sebagai satu ancaman kerana India menyokong kerjasama keselamatan melalui SAARC, ASEAN and ARF, dan melibatkan diri dalam Langkah Membina Keyakinan (CBM). Salah satu langkah menjamin kerjasama perdagangan dan ekonomi dua hala ASEAN-India yang dibuat dengan mengambil kira aliran positif perdagangan.

Pada tahun 1999 aliran positif perdagangan telah meningkat daripada AS\$7.6 bilion kepada AS\$9.88 bilion pada tahun 2001. Kenyataan ini dengan nyatanya menunjukkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak AS\$2.28 bilion daripada aliran positif perdagangan tersebut. India turut menjalin kerjasama pertahanan bilateral dengan negara ASEAN di mana dapat memberi kebaikan kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat.

Pada tahun 1997, di Kepulauan Andaman telah dikumpul oleh kapal-kapal laut dari India, Malaysia, Thailand, Sri Lanka, Singapura, Indonesia dan Bangladesh. Melalui usaha India ini, ia telah mewujudkan satu kefahaman dan keyakinan ASEAN terhadap India yang mementingkan aspek keselamatan serantau.

Lawatan diplomatik Najib ke India pada 7 Jun 2006 telah memperlihatkan Malaysia mula menggerakkan 'formula' bagi menjalin kerjasama dengan India yang juga merupakan destinasi eksport dagangan ke-10 Malaysia.

Kesedaran Malaysia telah dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan ekonomi India yang mencapai 7-8 peratus setahun dan kekuatan pasaran yang pasti membawa kitaran ekonomi yang sihat

bagi Malaysia-India. Malah dari segi perangkaan hubungan perdagangan dua hala Malaysia-India pada 2005 mencatatkan AS\$3.9 bilion eksport Malaysia ke India manakala jumlah import dari India mencatatkan AS\$1.1 bilion.

ASEAN telah menjemput India sebagai rakan dialog dan dalam masa yang sama mengadakan kerjasama ekonomi yang erat memandangkan India merupakan negara yang kukuh dari sudut pembangunan ekonominya.

India telah memberi reaksi positif terhadap usaha-usaha ASEAN yang mana India turut terlibat dalam menyokong kerjasama keselamatan melalui ASEAN dan ARF. Malah India turut memberi kerjasama dalam *Confident Building Measure* ASEAN dengan melibatkan diri dengan mengadakan lawatan sahabat dan menjalankan latihan ketenteraan secara bersama.

Usaha ini telah meningkatkan persefahaman antara negara dan turut meningkatkan kepercayaan antara satu sama lain. India cuba meningkatkan keyakinan negara Asia Tenggara bahawa India bukan kuasa yang akan mengancam keselamatan melalui jemputan melakukan lawatan dan peninjauan terhadap pangkalan ketenteraannya di Kepulauan Andaman dan Nicobar.

Malah untuk memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia ada, India turut melibatkan diri dalam aktiviti keselamatan dan ketenteraan tidak rasmi apabila mengambil bahagian dalam Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara (LIMA) di Langkawi.

Bagi merealisasikan dan memperkukuhkan hubungan ASEAN-India, pertubuhan ASEAN perlulah meneliti kelemahan dan kekurangan yang ada dan menilai semula perancangan dan strategi yang telah diambil serta menghasilkan 'formula kerjasama' yang lebih berkesan antara kedua-dua belah pihak.

PENULIS ialah Pensyarah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia